



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH NOTIS SEBUT HARGA BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat yang **berdaftar** dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah serta **berdaftar** dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam kod bidang yang ditetapkan, masih sah tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tutup sebut harga serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini. Syarikat perlu memenuhi syarat Sijil Pematuhan Cukai (TCC) iaitu masih berkuatkuasa dan berstatus "Patuh" bagi perkhidmatan berikut :-

KETERANGAN SEBUT HARGA	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN / KOD BIDANG & TARAF	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU SEBUT HARGA DITUTUP
<u>MPAG/SH/05/2026</u> PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KAWASAN TAPAK WARISAN DI DAERAH ALOR GAJAH UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH	<u>Kod Bidang:</u> 221002– Membersih Kawasan <u>Taraf:</u> Bumiputera/Bukan Bumiputera	<u>Tarikh Dokumen Dijual:</u> 12 JANUARI 2026 (ISNIN) Sehingga 19 JANUARI 2026 (ISNIN)	<u>Harga Dokumen:</u> RM 50.00 Tidak akan dikembalikan	<u>Tempat:</u> Peti Tawaran, Unit Perolehan, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Lebuhraya AMJ, Alor Gajah, Melaka. <u>Tarikh Sebut Harga Ditutup:</u> 20 JANUARI 2026 (ISNIN) <u>Waktu Sebut Harga Ditutup:</u> 12.00 tengah hari

1. Dokumen sebut harga **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <http://stom.melaka.gov.my>. Sebut harga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya syarikat membuat salinan pendua daripada dokumen sebut harga yang asal.

1. MENDAFTAR DI STOM



<https://stom.melaka.gov.my>

2. CIPTA AKAUN DI PORTAL E-BAYAR



<https://ebayar.melaka.gov.my>

3. BACA DAN FAHAMI MANUAL SISTEM STOM



<https://stom.melaka.gov.my/docs>

2. Pihak ~~Kontraktor~~ / Pembekal / Syarikat perlu melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak **RM50.00 setahun** dan membuat **pembelian sebut harga secara atas talian**.

3. Untuk makluman, syarikat yang ingin membeli dokumen sebut harga dan belum pernah berdaftar dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai pembekal MPAG dengan yuran pendaftaran sebanyak **RM50.00** bagi kategori **bekalan & perkhidmatan** dengan **mengemukakan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Penyata Kewangan Syarikat dan Profil Syarikat**.
4. Bagi syarikat yang **telah berdaftar sebagai pembekal MPAG**, perlulah memastikan pendaftaran syarikat kekal aktif dan telah diperbaharui sebelum membeli dokumen sebut harga. Kadar yuran pembaharuan pendaftaran adalah sebanyak **RM 30.00 setahun**.
5. Bagi sebarang urusan **pendaftaran** atau **pembaharuan pendaftaran syarikat dengan MPAG**, hendaklah dilakukan secara atas talian melalui **Sistem eSyarikat** yang boleh dicapai melalui alamat <http://portal.mpag.gov.my/esyarikat>.
6. Sila lampirkan resit pembelian dokumen sebut harga dan dikepilkan bersama dokumen sebut harga.
7. Majlis tidak terikat untuk menerima sebut harga dengan harga terendah atau mana-mana harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Lembaga Perolehan adalah muktamad.

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
LEBUH AMJ, 78000 ALOR GAJAH, MELAKA**

Tarikh : **31 DISEMBER 2025**